13. **Kehilangan Penglihatan** bermaksud kehilangan penglihatan sepenuhnya dan tidak boleh dipulih lagi.
14. **Tempoh Tangguh** bermaksud tiga puluh (30) hari pertama antara masa bermulanya hilang upaya Orang yang Diinsuranskan dan bermulanya tarikh polisi/tarikh pengembalian semula, dan terpakai hanya apabila orang itu dilindungi pertama kalinya. Hal ini tidak terpakai selepas tahun pertama perlindungan. Walau bagaimanapun, jika insurans terhenti, maka Tempoh Tangguh akan terpakai sekali lagi.
15. **Ketidakupayaan** bermaksud Kesakitan, kewabakan, Penyakit atau semua Kecederaan yang timbul daripada satu atau beberapa sebab yang berterusan.
16. **Mana – Mana Satu Hilang Upaya** bermaksud semua tempoh hilang upaya yang timbul daripada sebab yang sama termasuk mana-mana dan semua komplikasinya kecuali jika Orang yang Diinsuranskan pulih sepenuhnya dan tidak perlu menjalani apa-apa rawatan lanjut (termasuk dadah, ubat, diet khas atau suntikan atau nasihat tentang keadaannya) bagi hilang upaya itu selama sekurang-kurangnya sembilan puluh (90) hari selepas tarikh terakhir keluar hospital dan hilang upaya berikutnya akibat daripada sebab yang sama hendaklah dianggap seolah-olah hilang upaya itu adalah yang baru.

SEKSYEN SATU – MANFAAT KEMALANGAN PERIBADI

PENERANGAN MANFAAT

- % daripada Jumlah
Principal Diinsuranskan**
1. **Kematian akibat
Kemalangan** 100%
2. **Hilang Upaya Kekal**
Kecederaan Badan **Seperti di Jadual Manfaat**
Kehilangan ahli/ anggota
badan termasuk hilang
penggunaan yang
berlaku dalam tempoh
dua belas (12) bulan
kalendar dari tarikh
kemalangan tersebut: -

Jadual Manfaat

Kecederaan	% daripada Jumlah Principal perlu dibayar
Kehilangan satu atau dua anggota badan	100%
Kehilangan satu atau kedua-dua belah tangan, ataupun semua jari dan kedua-dua belah ibu jari	100%
Kehilangan keseluruhan penglihatan kedua belah mata	100%
Lumpuh keseluruhannya	100%
Kecederaan akibat terlantar sakit di katil secara kekal	100%
Sebarang kecederaan lain yang menyebabkan kehilangan upaya secara kekal	100%
Kehilangan lengan di bahu	100%
Kehilangan lengan di antara siku dan bahu	100%
Kehilangan lengan di antara siku dan pergelangan tangan	100%
Kehilangan tangan di pergelangan tangan	100%
Kehilangan empat jari dan satu ibu jari pada sebelah tangan	50%
Kehilangan empat jari pada sebelah tangan	40%
Kehilangan ibu jari	25%
	10%
Kehilangan jari telunjuk	10%
	8%
	4%
Kehilangan jari tengah	6%
	4%
	2%
Kehilangan jari manis	5%
	4%
	2%
Kehilangan jari kelingking	4%
	3%
	2%
Kehilangan tulang	3%

metakarpal	(tambahan)	
	- ketiga, keempat atau kelima (tambahan)	2%
Kehilangan kaki	- di pinggang	100%
	- antara lutut dan pinggul	
	- bawah lutut	
Kehilangan jari kaki	- kesemuanya	15%
	- ibu jari, kedua-dua ruas	5%
	- ibu jari, satu ruas	2%
	- selain daripada ibu jari jika lebih daripada satu jari kaki, setiap satu	1%
Kehilangan mata	- kesemua mata	100%
	- penglihatan	
	- penglihatan, kecuali daya persepsi kepada cahaya	50%
	- kanta mata	50%
Kehilangan pendengaran	- kedua belah telinga	75%
	- sebelah telinga	15%
Kehilangan percakapan	- kehilangan upaya bertutur kekal	75%

Bertentangan dengan kecederaan yang tidak dinyatakan, Syarikat berhak untuk menggunakan Peratusan Ketidakupayaan, dimana ia konsisten dengan peruntukan skala di atas. Jumlah semua peratusan berkaitan dengan mana-mana kemalangan tidak boleh melebihi 100%. Sekiranya jumlah sebanyak 100% telah dibayar di dalam tempoh insurans polisi ini, semua insurans disini akan terbatal dengan serta merta. Sebarang kerugian lain yang kurang daripada 100% jika telah dibayar, ia akan mengurangkan perlindungan sebanyak jumlah tersebut daripada polisi.

3. Perbelanjaan - perbelanjaan Perubatan

Syarikat akan membayar balik Pihak Diinsuranskan untuk Perbelanjaan Perubatan yang terlibat oleh Pihak Diinsuranskan akibat daripada kemalangan atau Perbelanjaan Perubatan yang timbul akibat Pihak Diinsuranskan dijangkiti penyakit punca daripada Gigitan Serangga, Ular Dan/Atau Binatang (termasuk penyakit) dengan syarat liabiliti maksimum Syarikat yang timbul daripada Mana-Mana Satu Kemalangan / Ketidakupayaan akan melebihi jumlah yang dinyatakan dalam Jadual Manfaat / Jadual Polisi.

Perbelanjaan-perbelanjaan Perubatan termasuk yuran ambulans sehingga maksimum RM1,000 untuk setiap kemalangan, bilik dan makanan, ubat – ubatan yang dipreskripsikan, laporan perubatan, sinar x, fisioterapi, rawatan klinik, rawatan perubatan dan pembedahan termasuk yuran pakar bias, pembalutan, jururawat am

yang perlu dari segi perubatan di hospital, alat bantuan, bekas plaster, dan kos untuk rawatan susulan dengan syarat rawatan itu adalah perlu kepada Pihak Diinsuranskan dari segi perubatan selepas setiap kemalangan.

Pihak syarikat juga akan membayar semula kos Rawatan Sinseh termasuk ubatan sehingga RM300 (terhad kepada RM30 setiap lawatan setiap hari).

Adalah menjadi syarat sebelum liabiliti bahawa perbelanjaan untuk rawatan ini yang dilakukan oleh Pihak Diinsuranskan mestilah disokong dengan akaun terima daripada Sinseh Cina yang berdaftar.

4. **Pendapatan Tunai Hospital**

Pendapatan tunai harian hospital seperti yang ditunjukkan di dalam Jadual Manfaat / Jadual Polisi adalah perlu dibayar dalam tempoh Pihak Diinsuranskan dimasukkan ke hospital untuk rawatan kecederaan badan yang dialami akibat daripada kemalangan/ketidakupayaan akibat daripada Gigitan Serangga, Ular Dan/Atau Binatang (termasuk penyakit). Tempoh maksima perlu dibayar untuk manfaat ini dihadkan kepada tiga puluh (30) hari bagi kemalangan/ketidakupayaan yang berlaku dalam tempoh insurans dan manfaat tersebut perlu dibayar selepas melebihi dua belas (12) jam berturut-turut dimasukkan ke hospital. Seterusnya, manfaat dibayar untuk tempoh setiap dua puluh empat (24) jam penuh kemasukan hospital.

5. **Pemulihan**

Sekiranya di dalam keadaan dimana penghospitalan melebihi tujuh (7) hari berturut-turut akibat daripada kemalangan, jumlah tambahan yang dinyatakan di dalam Jadual Manfaat / Jadual Polisi akan dibayar untuk setiap kemalangan yang berlaku di dalam tempoh insurans.

6. **Elaun Kematian / Pemulangan**

Sebagai tambahan kepada semua bayaran, Syarikat akan membayar sejumlah amaun seperti yang dinyatakan di dalam Jadual Manfaat / Jadual Polisi sebagai elaun kematian / penghantaran pulang jenazah jika berlaku kematian Pihak Diinsuranskan yang berlaku semasa tempoh insurans.

7. **25% Pemulangan Premium Tiada Tuntutan**

Pihak Diinsuranskan akan dilayakkan pemulangan premium sebanyak 25% daripada jumlah premium yang diterima oleh Syarikat dengan syarat polisi ini akan berkuatkuasa secara berterusan dan tiada tuntutan telah dibuat dan dilakukan dalam tiga tahun tersebut.

Tambahannya, Syarikat seterusnya akan membayar 25% Pemulangan Premium Tiada Tuntutan untuk setiap tiga tahun yang berikutnya dimana polisi akan diperbaharui dan tiada tuntutan telah dibuat.

Sekiranya tuntutan telah dibuat atau wujud di bawah polisi ini, tempoh tiga tahun yang layak untuk 25% Pemulangan Premium Tiada Tuntutan akan bermula dari hari pertama pada bulan seterusnya berikutan dengan tarikh berlakunya kemalangan yang membangkitkan tuntutan tersebut.

Walaupun bagaimanapun, tidaklah di bawah keadaan di mana tuntutan telah dibuat atas kematian Pihak Diinsuranskan atau Pihak Diinsuranskan mengalami ketidakupayaan kekal yang berlaku akibat daripada kemalangan yang membangkitkan tuntutan di mana manfaat penuh 100%

daripada amaun Prinsipal Yang Diinsuranskan yang dinyatakan di dalam Jadual Manfaat / Jadual Polisi telah dibayar.

KAWASAN GEOGRAFI KEPADA SEKSYEN 1

Semua manfaat yang dibekalkan di bawah Seksyen ini adalah untuk seluruh dunia dan bagi tempoh dua puluh empat (24) jam sehari.

HAD-HAD KEPADA SEKSYEN 1

1. Untuk layak bagi Manfaat perlu bayar, Pihak Diinsuranskan perlu menerima perhatian perubatan daripada dan berterusan di bawah jagaan pengamal perubatan yang bertauliah dan berdaftar.
2. Perbelanjaan Perubatan tidak termasuk kos rawatan pergigian yang dilakukan oleh Doktor Gigi melainkan rawatan tersebut merupakan rawatan pergigian yang perlu untuk mengembalikan atau menggantikan gigi asal yang hilang atau rosak akibat kecederaan yang timbul daripada kemalangan. Perbelanjaan perubatan untuk rawatan seperti itu adalah sebahagian daripada perbelanjaan perubatan yang berlaku untuk setiap kemalangan yang berlaku dalam tempoh insurans.

PENAMBAHAN FASAL – FASAL UNTUK MANFAAT KEMALANGAN PERIBADI – SEKSYEN 1

1. **Endorsmen Kekecohan, Mogok dan Pertempuran Awam**
Bahawasannya di sini berisytihar dan bersetuju bahawa Polisi ini akan dilanjutkan untuk melindungi Kematian, Ketidakupayaan Kekal, Pembayaran Balik Perbelanjaan Perubatan dan Pendapatan Hospital Tunai yang didefinisikan dalam Penerangan Manfaat akibat daripada Kekecohan, Mogok dan Pertempuran Awam, dengan syarat Pihak Diinsuranskan tidak secara langsung atau tidak langsung terlibat dalam tindakan tidak sah itu.
2. **Kehilangan**
Sekiranya selepas tempoh SATU (1) TAHUN telah luput dari tarikh kehilangan dilaporkan dan setelah Syarikat memeriksa semua bukti-bukti yang ada dan mendapati tiada sebab untuk mengatakan selain daripada kemalangan telah berlaku dan besar kemungkinan telah menyebabkan kematian Pihak Diinsuranskan, kehilangan Pihak Diinsuranskan itu dikira menimbulkan satu tuntutan dibawah Polisi ini dan jumlah penuh Prinsipal yang diinsuranskan perlu dibayar. Walaupun bagaimanapun, pada bila-bila masa setelah bayaran dibuat, Orang yang Diinsuranskan didapati masih hidup, sebarang jumlah yang telah dibayar untuk menyelesaikan tuntutan tersebut perlu dikembalikan kepada Syarikat.
3. **Terhidu Gas, Lemas, Keracunan Makanan dan Intoksikasi**
Polisi ini dilanjutkan untuk melindungi Kematian, Ketidakupayaan Kekal, Pembayaran Balik Perbelanjaan Perubatan dan Pendapatan Hospital Tunai yang didefinisikan dalam Penerangan Manfaat akibat daripada Terhidu Gas, Lemas, Keracunan Makanan dan Intoksikasi oleh alcohol atau ubat yang diberikan oleh pengamal perubatan berkelayakan dengan atau tanpa tanda-tanda nyata kecederaan luaran atau kekerasan.
4. **Pendedahan kepada Elemen**

Polisi ini melindungi Kematian, Ketidakupayaan Kekal, Pembayaran Balik Perbelanjaan Perubatan dan Pendapatan Wang Tunai seperti dinyatakan dalam penerangan manfaat akibat daripada pendedahan kepada elemen-elemen yang disebabkan oleh kemalangan dengan syarat jika berlakunya kematian dan kematian tersebut telah dijalankan siasatan yang menunjukkan Pihak Diinsuranskan mati kerana pendedahan akibat daripada kemalangan.

5. Lemas Terhidu Gas melalui Asap dan Bau-bauan

Polisi ini dilanjutkan untuk melindungi Kematian, Ketidakupayaan Kekal, Pembayaran Balik Perbelanjaan Perubatan dan Pendapatan Wang Tunai yang didefinisikan di dalam penerangan manfaat akibat daripada lemas terhidu gas melalui asap dan bau-bauan, dengan atau tanpa tanda-tanda nyata kecederaan luaran atau kekerasan.

6. Gigitan Serangga, Ular Dan/Atau Binatang (termasuk penyakit)

Polisi ini dilanjutkan untuk melindungi Pembayaran Balik Perbelanjaan Perubatan dan Pendapatan Wang Tunai yang didefinisikan di dalam penerangan manfaat yang timbul akibat daripada gigitan serangga dan/atau ular dan/atau binatang.

7. Memburu

Polisi ini dilanjutkan untuk melindungi Pihak Diinsuranskan untuk Kematian, Ketidakupayaan Kekal, Pembayaran Balik Perbelanjaan Perubatan dan Pendapatan Wang Tunai seperti dinyatakan dalam penerangan manfaat ketika memburu dengan syarat kelulusan / permit / lesen daripada pihak berkuasa berkenaan telah diperolehi dan Pihak Diinsuranskan adalah pemegang lesen sah untuk memiliki dan menggunakan senjata untuk tujuan memburu sahaja.

8. Bermotosikal

Polisi ini dilanjutkan untuk melindungi Kematian, Ketidakupayaan kekal, Pembayaran Balik Perbelanjaan Perubatan dan Pendapatan Wang Tunai yang didefinisikan di dalam penerangan manfaat akibat daripada aktiviti bermotosikal sebagai penunggang atau pembonceng untuk tujuan peribadi atau perniagaan dengan syarat Syarikat tidak bertanggungjawab membuat bayaran berkaitan kematian atau kecederaan yang timbul atau akibat daripada Pihak Diinsuranskan terlibat dengan perlumbaan, memandu laju, pertandingan lumba atau lain-lain jenis pertandingan. Adalah menjadi syarat sebelum liability bahawa Pihak Diinsuranskan memakai topi keledar yang diluluskan dan memiliki lesen menunggang yang sah semasa bermotosikal.

PENGECUALIAN – PENGECUALIAN ISTIMEWA KEPADA SEKSYEN 1

1. Insurans ini tidak melindungi kematian atau kecederaan badan yang secara langsung atau tidak langsung disebabkan oleh: -
 - 1.1. Bunuh diri atau cubaan membunuh diri, kecederaan kepada diri sendiri, kemusnahan diri sendiri atau sebarang percubaan melakukannya samada semasa waras atau tidak waras, kebangkitan membunuh diri atau menyerang;

- 1.2. Sebarang jenis penyakit, jangkitan atau parasit dan hernia;
- 1.3. Semasa terlibat dalam sebarang sukan profesional;
- 1.4. Terlibat dalam aktiviti bawah air dengan menggunakan alat pernafasan dalam air (skuba), seni mempertahankan diri atau tinju, aktiviti udara termasuk payung terjun, penerjunan dan peluncuran udara, hoki ais, bermain polo, lumba kuda, ski musim sejuk, pelayaran, ski air, menggunakan peralatan kerja-kayu yang mempunyai kuasa mekanikal, berlumba (selain daripada menggunakan kaki), memandu laju atau terlibat dengan perlumbaan atau lain-lain jenis percubaan;
- 1.5. Melahirkan anak, keguguran, mengandung atau sebarang komplikasi berkaitan;
- 1.6. Kesan atau pengaruh alkohol (melebihi had yang dibenarkan) dan dadah melainkan jika dadah itu diambil mengikut nasihat pengamal perubatan.

2. Kecacatan Ketika Lahir

Sebarang jenis kecacatan samada dari segi perubatan atau fizikal yang wujud semasa lahir, ataupun kecacatan fizikal yang wujud dalam tempoh enam (6) bulan dari tarikh lahir (lebih dikenali sebagai keadaan cacat), samada diketahui atau tidak oleh Pihak Diinsuranskan sebelum tarikh berkuatkuasa insurans.

3. Kecacatan Fizikal

Sebarang ketidakpemulihan/ kecacatan fizikal atau mental yang wujud sebelum tarikh berkuatkuasa insurans.

4. **Tempoh Tenang** hanya digunapakai di bawah item 6 – Gigitan Serangga, Ular dan/atau Binatang (termasuk penyakit) di bawah Penambahan Fasal-fasal untuk manfaat kemalangan peribadi-Seksyen 1

LIABILITI PERIBADI – SEKSYEN 2

Syarikat bersetuju berkenaan liabiliti yang timbul daripada kemalangan semasa Tempoh Insurans yang dinyatakan di dalam Jadual Manfaat / Jadual Polisi, dan tertakluk kepada terma Polisi ini, menanggung rugi Pihak Diinsuranskan daripada seluruh jumlah yang mana Pihak Diinsuranskan bertanggungjawab dari segi undang-undang untuk membayar bagi kecederaan badan akibat kemalangan kepada seseorang dan kerosakan akibat kemalangan kepada harta benda dan selain itu hendaklah membayar kos dan perbelanjaan berpatutan pihak yang menuntut dan bertanggungjawab bagi kesemua kos dan perbelanjaan tertimbul dengan persetujuan Syarikat di dalam pembelaan sebarang tuntutan terhadap kecederaan atau kerosakan tersebut.

DENGAN SYARAT bahawa liabiliti Syarikat untuk semua pampasan boleh dibayar kepada mana-mana pihak yang menuntut atau sebarang bilangan pihak yang menuntut berkaitan dengan atau yang timbul daripada salah satu kejadian atau berkaitan dengan atau yang timbul daripada semua kejadian yang akibat berturut-turut atau boleh disebabkan kepada satu punca atau sebab asalnya tidak boleh melebihi Had Pampasan yang dinyatakan di dalam Jadual Manfaat / Jadual Polisi bagi sebarang satu kemalangan dan berkaitan dengan semua kecederaan dan kerosakan

yang dialami akibat semua kemalangan yang berlaku semasa sebarang satu Tempoh Insurans tidak boleh melebihi Had Pampasan yang dinyatakan di dalam Jadual Manfaat bagi sebarang satu Tempoh Insurans.

Seciranya berlaku kematian ke atas Pihak Diinsuranskan, pihak Syarikat akan berkaitan dengan liabiliti yang bertanggung oleh Pihak Diinsuranskan menanggung rugi wakil peribadi Pihak Diinsuranskan di bawah terma dan tertakluk kepada had-had Polisi ini dengan syarat wakil peribadi tersebut hendaklah, seperti yang Pihak Diinsuranskan patuhi, memenuhi dan tertakluk kepada terma Polisi ini sejauh ianya boleh digunakan.

PENGECCUALIAN ISTIMEWA BAGI LIABILITY PERIBADI – SEKSYEN 2

Syarikat tidak akan bertanggungjawab dibawah Polisi ini untuk perkara berikut:-

1. Sebarang kemalangan yang berlaku di luar Kawasan Geografi.
2. Kecederaan ke atas sesiapa yang merupakan ahli kepada isirumah yang sama dengan Pihak Diinsuranskan atau pada waktu mengalami kecederaan di bawah khidmat Pihak Diinsuranskan.
3. Kerosakan kepada hartanah yang dipunyai oleh atau dibawah kawalan Pihak Diinsuranskan atau sebarang pembantu atau ejen Pihak Diinsuranskan.
4. Kecederaan atau kerosakan yang disebabkan oleh atau timbul daripada:-
 - a) pemilikan atau pemegangan atau digunakan oleh atau bagi Pihak Diinsuranskan;
 - b) sebarang profesion urusaniaga atau perniagaan Pihak Diinsuranskan atau apa-apa yang dilakukan berkaitan dengannya atau untuk tujuannya;
 - c) pemilikan, pemegangan atau digunakan oleh atau bagi pihak Pihak Diinsuranskan terhadap:-
 - i) Binatang selain daripada anjing, kucing atau kuda
 - ii) Kenderaan yang dijalankan secara mekanikal atau menggunakan binatang, selain daripada sebarang kenderaan yang membawa Pihak Diinsuranskan sebagai penumpang sahaja dan dimana beliau bukan merupakan pemilik atau penyewa dibawah perjanjian sewa-beli atau seorang yang diamanahkan untuk menjaga atau mengawal kenderaan tersebut
 - iii) Kapal kecuai berkaitan dengan liabiliti Pihak Diinsuranskan (melainkan liabiliti yang timbul akibat kemalangan kepada sebarang kapal atau kapal terbang) kepada teman pengembara didalam kapal atau kapal terbang dimana Pihak Diinsuranskan mengembara sebagai penumpang sahaja.
Untuk mengelakkan kekeliruan, kapal bermaksud sebarang kapal atau sesuatu yang dibina atau bertujuan untuk timbul atau mengembara dengannya diatas atau melalui air atau udara
 - d) Penggunaan sebarang kuda untuk berlumba, bermain polo, memburu atau memandu apa-apa kenderaan;
 - e) Penggunaan sebarang Senjata Api, senapang lembing dan panah, dan sebarang jenis senjata.

5. Liabiliti ditanggung oleh Pihak Diinsuranskan melalui perjanjian melainkan jika liabiliti itu ditanggung oleh Pihak Diinsuranskan biarpun tanpa perjanjian tersebut.
6. a) mengganti rugi kerosakan yang berkaitan dengan pertimbangan yang diberi atau diperolehi pada kali pertama oleh mahkamah yang kompeten dengan bidang kuasa di dalam Kawasan Geografi
b) kos dan perbelanjaan tuntutan di mahkamah yang dilindungi oleh sebarang orang yang menuntut daripada Pihak Diinsuranskan di mana ia tidak timbul dan dilindungi di kawasan geografi.
7. Liabiliti yang berkaitan dengan Pihak Diinsuranskan tetapi dengan wujudnya Polisi ini mengindemniti sebarang polisi insurans yang lain: untuk kes sebegini indemnti dibawah Polisi ini tidak boleh diguna pakai sehingga jumlah penuh indemnti dibawah Polisi lain telah digunakan dengan sepenuhnya untuk melunaskan liabiliti itu.
8. Sebarang jenis liabiliti untuk:-
 - a) Kecederaan peribadi atau kecederaan badan atau kerugian atau kerosakan atau kehilangan penggunaan harta atau secara terus atau tidak terus disebabkan oleh kebocoran atau pencemaran
 - b) Kos untuk memindahkan, meneutralkan atau membersihkan kebocoran atau pencemaran
 - c) Saman, penalti, denda atau kerugian contohhanUntuk pengecualian ini, pernyataan: - “kapal dan kraf” bermakna sebarang kapal atau benda yang dibuat atau dimaksudkan untuk mengepung atau belayar atau melalui air.

KAWASAN GEOGRAFI KEPADA SEKSYEN 2

Semua manfaat yang dibekalkan di bawah Seksyen ini adalah untuk seluruh dunia tidak termasuk USA dan Kanada bagi tempoh dua puluh empat (24) jam sehari.

PENGECCUALIAN AM

1. Insurans ini tidak melindungi kematian atau kecederaan badan yang disebabkan secara langsung atau tidak langsung oleh Sindrom Memerlukan Imunisasi Kekurangan (AIDS) atau (AIDS) Kompleks yang Berkaitan (ARC), bagaimanapun sindrom ini telah pun diperolehi atau dinamakan.
2. **Kelayakan Penduduk**
Polisi ini hanya berkuatkuasa jika Pihak Diinsuranskan tinggal di Malaysia. Jika Pihak Diinsuranskan keluar dari Malaysia untuk tempoh melebihi 6 bulan berturut-turut, polisinya akan terbatal.
3. Adalah menjadi syarat penting dan syarat sebelum liabiliti, bahawa mana-mana Pihak Diinsuranskan yang dilindungi di bawah Polisi ini tidak terlibat secara langsung atau tidak langsung dengan pekerjaan-pekerjaan atau tugas – tugas berikut;
 - 3.1. Tentera Udara, Polis, Pegawai Keselamatan, Tentera Laut, Pegawai penguatkuasa undang-undang (kecuai mereka yang menjalankan tugas pengurusan sahaja)
 - 3.2. Penguji kapalterbang, krew kapal, pembuat kapal dan pekerja membaiki kapal
 - 3.3. Penyelam
 - 3.4. Pemandu kereta lumba / Penunggang

- 3.5. "Jockeys"
- 3.6. Orang yang terlibat dengan aktiviti sukan profesional
- 3.7. Orang yang terlibat dengan lombong bawah tanah dan kerja terowong atau menggunakan bahan letupan atau bahan kimia
- 3.8. Ahli Bomba
- 3.9. Nelayan laut dan pekerja di laut
- 3.10. Wakil Peperangan
- 3.11. Pekerja pelantar minyak
- 3.12. 'Steeplejacks'
- 3.13. 'Stevedores'
- 3.14. Orang yang terlibat di dalam meruntuhkan bangunan, pembinaan empangan, jambatan atau kerja di bawah tanah, pencuci tingkap atau pekerjaan binaan pada ketinggian melebihi 30 kaki dari tanah
- 3.15. Pekerja yang mengendalikan dandang atau kapal bertekan
- 3.16. Ahli sarkas dan aksi lasak
- 3.17. Orang yang terlibat dalam perkhidmatan ambulans
- 3.18. Pembalak, pekerja-pekerja balak, pemandu/pengiring lori lori balak dan mesin win
- 3.19. Orang yang mengendalikan mesin kerja kayu
- 3.20. Pengendali Bahan Letupan
- 3.21. Pengendali bahan letupan dan lain-lain bahan toksik, kerja yang melibatkan penggunaan kelengkapan, perkakas atau alat yang dikendalikan secara automatik.

Walau bagaimanapun, manfaat dibawah insurans ini akan dibayar jika berlakunya kemalangan yang menyebabkan kematian, ketidakupayaan kekal atau kerugian lain yang dilindungi di bawah polisi ini akibat daripada kecederaan badan semasa menghadiri aktiviti-aktiviti normal peribadi dan sosial di luar bidang kerja Pihak Diinsuranskan seperti dinyatakan di atas. Pihak Syarikat berhak untuk tidak memberi perlindungan insurans kepada mana-mana Pihak Diinsuranskan walaupun Pihak Diinsuranskan itu tidak terlibat dengan mana-mana pekerjaan tersebut.

4. Pihak Diinsuranskan terlibat atau mengambil bahagian dalam tentera laut atau Perkhidmatan Tentera atau operasi atau terlibat di dalam operasi yang dirancang atau dikendalikan oleh Pihak berkuasa awam atau tentera atau berlaku semasa perkhidmatan atau tugas Pihak Diinsuranskan dengan sebarang angkatan tentera laut.
5. Pihak Diinsuranskan terlibat dalam sebarang aktiviti jenayah termasuk secara langsung atau tidak langsung dalam kekecohan, mogok dan pertempuran awam.
6. Sementara melakukan atau cuba untuk melakukan sebarang tindakan yang salah di sisi undang-undang.
7. **Fasal Risiko Radioaktif/Tenaga Nuklear**

Insurans ini tidak melindungi kerugian, kerosakan, kos atau perbelanjaan atau apa jua keadaan yang secara langsung atau tidak langsung disebabkan oleh, berpunca dari atau berkaitan dengan mana-mana yang berikut atau dalam mana-mana urutan kepada kerugian:-

- 7.1. Pancaran pengionan atau pencemaran radioaktif daripada apa-apa bahan api nuklear atau daripada apa-apa bahan buangan nuklear dari pembakaran bahan api nuklear.

- 7.2. Bahan Radioaktif, toksik, letupan atau bahan merbahaya dan pencemaran dari sebarang pemasangan, reaktor atau lain-lain pemasangan nuklear atau komponennya.

- 7.3. Sebarang senjata peperangan menggunakan atom atau pembelahan nuklear dan/atau pembelahan atau reaksi atau kuasa radioaktif atau seumpamanya.

8. Fasal Peperangan dan Keganasan

Insurans ini tidak termasuk kerugian, kerosakan, kos atau perbelanjaan bagi apa jua keadaan yang secara langsung atau tidak langsung disebabkan oleh, berpunca dari atau berkaitan dengan mana-mana yang berikut tanpa tidak mengambil kira apa-apa sebab lain yang menyumbang serentak atau dalam mana-mana urutan kepada kerugian:-

Peperangan, serangan, tindakan musuh asing, permusuhan, atau operasi ketenteraan (sama ada peperangan diisytiharkan atau tidak), perang saudara, pemberontakan, revolusi, mogok, kekacauan awam yang menghampiri atau mencecah tahap kebangkitan awam, ketenteraan atau rampasan kuasa. Perundangan ketenteraan atau negara peperangan atau sebarang kejadian atau sebab yang menentukan penyistiharan atau penyelenggaraan perundangan ketenteraan atau Negara peperangan.

Tindakan Keganasan

Adalah dipersetujui bahawa, tidak mengambilkira apa-apa faktor, Polisi ini tidak melindungi sebarang kerugian dalam apa jua cara yang disebabkan atau diakibatkan oleh tindakan keganasan yang melibatkan penggunaan atau pembebasan atau ancaman oleh mana-mana senjata nuklear atau peranti atau bahan kimia atau agen biologi. Untuk tujuan ini tindakan keganasan bermaksud tindakan, termasuk tetapi tidak terhad kepada penggunaan paksaan atau kekerasan dan/atau ugutan sedemikian, oleh mana-mana orang atau kumpulan orang, sama ada bertindak sendirian atau bagi pihak atau berhubung dengan mana-mana organisasi atau kerajaan, yang dilakukan untuk tujuan politik, agama, ideologi atau yang seumpamanya termasuk niat untuk mempengaruhi mana-mana kerajaan dan atau menyebabkan orang awam atau sebahagian orang awam berada dalam ketakutan. Lanya juga tidak termasuk kerugian, kerosakan, kos dan perbelanjaan bagi apa jua keadaan yang secara langsung atau tidak langsung disebabkan oleh, berpunca dari atau berkaitan dengan apa-apa tindakan yang diambil di dalam mengawal, menghalang, atau di dalam apa-apa cara yang berkaitan dengan (8.1) dan/atau (8.2) di atas.

Jika Syarikat dituduh untuk sebab pengecualian ini, sebarang kerugian, kerosakan, kos dan perbelanjaan yang tidak dilindungi di polisi ini, beban yang sebaliknya adalah di atas Pihak Diinsuranskan. Jika di dalam keadaan sebahagian daripada pengecualian didapati tidak sah atau tidak dapat dikuatkuasakan, yang selebihnya akan kekal dikuatkuasakan sepenuhnya dan menjadi sah.

SYARAT – SYARAT AM

1. Tarikh Berkuatkuasa

Polisi ini akan berkuatkuasa dan bermula pada pukul 12.01 A.M Waktu Malaysia pada tarikh yang dinyatakan dan sebagai Tarikh Efektif Polisi di dalam Jadual Polisi.

2. Kenyataan Jadual Akta Perkhidmatan Kewangan 2013

Apabila Pihak Diinsuranskan telah memohon insurans ini sepenuhnya untuk tujuan yang tidak berkaitan dengan perdagangan, perniagaan atau profession Pihak Diinsuranskan, Pihak Diinsuranskan mempunyai kewajipan untuk mengambil langkah yang munasabah untuk tidak salah nyata dalam menjawab soalan yang terdapat dalam borang cadangan (atau semasa permohonan insurans ini) seperti contoh, Pihak Diinsuranskan perlu menjawab soalan dengan penuh dan tepat. Kegagalan dalam mengambil langkah munasabah dalam menjawab soalan-soalan boleh mengakibatkan pembatalan kontrak insurans, keengganan atau pengurangan gantirugi, perubahan kepada terma atau penamatan kontrak insurans Pihak Diinsuranskan selaras dengan remedi di Jadual 9 Akta Perkhidmatan Kewangan 2013. Pihak Diinsuranskan juga dikehendaki mendedahkan perkaraperkara lain yang diketahui oleh Pihak Diinsuranskan yang akan mempengaruhi keputusan pihak Syarikat dalam menerima risiko dan menentukan kadar dan terma yang akan dikenakan.

Pihak Diinsuranskan juga mempunyai kewajipan untuk memberitahu pihak Syarikat dengan serta-merta jika pada bila-bila masa selepas kontrak insurans Pihak Diinsuranskan ditandatangani, diubah atau diperbaharui dengan pihak Syarikat, apa-apa maklumat yang diberikan di dalam Borang Cadangan (atau semasa permohonan insurans ini) tidak tepat atau telah berubah.

3. Premium

3.1. Bayaran

Premium dibayar adalah secara bulanan dan dibayar oleh Pihak Diinsuranskan samada ditolak dari akaun RHB Bank atau kad kreditnya.

3.2. Bayaran Pembaharuan

Premium dibayar untuk bulan pertama ketika polisi berkuatkuasa adalah dua (2) bulan premium dimana satu bulan premium akan menjadi bayaran pendahalaan bulanan polisi ini.

3.3. Pertukaran Pelan Insurans

Permohonan untuk menukarkan manfaat kepada pelan yang lebih tinggi hanya boleh dibuat dengan memberi notis bertulis empat belas (14) hari dan tertakluk kepada penerimaan Syarikat setelah menerima permohonan bertulis tersebut.

3.4. Penguatkuasaan Semula

Polisi boleh dikuatkuasa semula atas budi bicara Syarikat tertakluk kepada:-

- 3.4.1. permohonan bertulis oleh Pihak Diinsuranskan, dan
- 3.4.2. bukti boleh insurans yang memuaskan pihak Syarikat, dan
- 3.4.3. bayaran jumlah premium tertunggak, jika ada.

3.5. Penolakan Premium untuk Tuntutan

Jika polisi ini jadi dituntut oleh sebab kematian atau ketidakupayaan kekal, sebarang baki premium perlu dibayar untuk polisi ini dimana tuntutan dibuat akan

ditolak daripada tuntutan yang perlu di bawah polisi ini.

4. Pembatalan

4.1. Pembatalan oleh Pihak Diinsuranskan

Pihak Diinsuranskan mesti memberikan 14 hari notis bertulis kepada Syarikat untuk membuat pembatalan perlindungan. Pembatalan itu berkuatkuasa pada tarikh notis diterima oleh Syarikat, atau tarikh yang dinyatakan dalam notis, yang mana dahulu.

4.2. Pembatalan oleh Syarikat

Syarikat berhak untuk membatalkan atau membuat perubahan kepada ciri-ciri produk yang tertera dalam Polisi ini, dengan syarat semua Polisi yang dikeluarkan dibawah pelan ini dibatalkan atau diubah dan sebarang perubahan dibuat pada aniversari Polisi sahaja;

Tertakluk kepada peruntukan Polisi ini, Syarikat boleh memberi notis penamatan melalui surat berdaftar kepada Pihak Diinsuranskan kepada alamat terakhir beliau yang diketahui. Penamatan itu menjadi efektif empat belas (14) hari daripada tarikh notis tersebut.

Sekiranya premium telah dibayar untuk sebarang tempoh yang menjangkau tarikh polisi ini dibatalkan, pembahagian yang sepatutnya akan dipulangkan kepada Pihak Diinsuranskan oleh Syarikat. Jika premium tidak dibayar untuk sebarang tempoh sehingga tarikh pembatalan, Pihak Diinsuranskan akan bertanggungjawab kepada Syarikat untuk bayaran premium tersebut, dimana Syarikat boleh, pada pendapatnya, menghantar bil kepada Pihak Diinsuranskan.

4.3. Pembatalan Automatik

Polisi ini akan terbatal serta merta pada tarikh paling awal untuk kejadian-kejadian berikut:

- 4.3.1. Penamatan Akaun Bank RHB/Kad Kredit Pihak Diinsuranskan dimana premium perlu bayar untuk Polisi ini dikenakan melainkan cara pembayaran lain dimaklumkan dan diluluskan oleh Syarikat secara bertulis;
- 4.3.2. Serta-merta apabila Pihak Diinsuranskan berumur tujuh puluh (70) tahun; atau
- 4.3.3. Kematian Pihak Diinsuranskan atau Pihak Diinsuranskan mengalami ketidakupayaan kekal akibat kemalangan dan menimbulkan tuntutan dimana manfaat penuh 100% daripada Jumlah Prinsipal Diinsuranskan seperti dinyatakan dalam Jadual Manfaat telah dibayar.

5. Pembaharuan

Tertakluk kepada terma dan syarat polisi ini, sekiranya premium telah diterima, polisi ini secara automatik akan diperbaharui. Dokumen pembaharuan tidak akan dikeluarkan dan polisi yang sedia ada adalah bukti perlindungan yang sah. Borang pendaftaran / borang cadangan yang asal akan terus berkuatkuasa dan deklarasi yang terkandung akan menjadi asas kepada pembaharuan kontrak kecuali deklarasi yang terkandung akan menjadi asas kepada kontrak melainkan deklarasi semula dibuat.

6. Perubahan Risiko

Pihak Diinsuranskan hendaklah memberi notis bertulis segera kepada Syarikat jika terdapat perubahan alamat atau pekerjaan dan status kesihatan. Jika gagal memberitahu kami, kami akan menarik balik semua perlindungan untuk sebarang kerugian atau kecederaan akibat daripada perubahan-perubahan tersebut jika perubahan ini meningkatkan risiko kemalangan

7. Tuntutan

- 7.1. Notis bertulis mestilah diberi kepada kami dalam tempoh tiga puluh (30) hari daripada kejadian yang boleh menimbulkan tuntutan di dalam Polisi ini. Kegagalan memberi notis dalam tempoh yang ditetapkan tidak akan meniadakan tuntutan jika boleh dibuktikan bahawa adalah tidak munasabah untuk memberi notis bertulis tersebut dan notis itu diberi sebaik sahaja ianya boleh.
- 7.2. Jika Pihak Diinsuranskan atau sesiapa yang bertindak bagi pihaknya melakukan penipuan di dalam tuntutannya di bawah Polisi ini atau terlibat di dalam aktiviti penipuan untuk meraih keuntungan dibawah Polisi ini, semua manfaat dibawah Polisi ini akan terbatal.
- 7.3. Kami berhak dan berpeluang untuk melakukan pemeriksaan ke atas Pihak Diinsuranskan sekerap yang diperlukan dan melakukan otopsi jika berlaku kes kematian dan ianya tidak melanggar undang-undang
- 7.4. Tanpa kebenaran bertulis, Pihak Diinsuranskan tidak akan menolak liabiliti, berunding atau membuat pengakuan, tawaran, janji untuk membayar berkaitan dengan mana-mana kemalangan atau tuntutan dan kami berhak untuk mengambilalih jika perlu dan melakukan pembelaan tuntutan dibawah nama anda atau melakukan pendakwaan dibawah nama kami dengan perbelanjaan kami dan untuk faedah sendiri sebarang tuntutan untuk pampasan atau kerosakan atau menentang sesiapa sahaja dan mempunyai kuasa penuh didalam perbicaraan dan penyelesaian untuk sebarang tuntutan. Anda dan/atau keluarga anda perlu memberi maklumat dan kerjasama apabila diperlukan.

8. Manfaat-manfaat

Seorang Pihak Diinsuranskan tidak boleh dilindungi dibawah lebih daripada satu (1) Polisi Kemalangan Peribadi CashBack. Jika Pihak Diinsuranskan itu dilindungi dibawah lebih daripada satu (1) polisi, syarikat akan menimbangkan bahawa Pihak Diinsuranskan itu dilindungi dibawah Polisi yang menawarkan perlindungan tertinggi. Jika perlindungan kedua-dua Polisi itu serupa, pihak Syarikat akan menimbangkan Pihak Diinsuranskan dilindungi oleh Polisi yang mula-mula dikeluarkan. Syarikat akan memulangkan semula pembayaran premium yang dibuat dua kali yang mungkin dibayar oleh atau bagi pihak Pihak Diinsuranskan.

9. Perlepasan Liabiliti

Sebarang penerimaan atau perlepasan yang diberikan kepada kami berkenaan satu tuntutan di bawah polisi ini akan dianggap sebagai penyelesaian dan perlepasan terakhir ke atas liabiliti kami berkenaan tuntutan tersebut.

10. Pembayaran Manfaat

Manfaat yang perlu dibayar di bawah polisi ini akan dibayar kepada Pihak Diinsuranskan, jika berlakunya kematian Pihak Diinsuranskan, manfaat akan dibayar kepada Benefisiari beliau yang dinamakan atau kepada harta pusaka beliau jika tiada Benefisiari dinamakan, sama berkenaan seseorang Pihak Diinsuranskan yang Muslim, yang mana hanya bagi kes ini, pembayaran manfaat di bawah polisi ini akan boleh ditentukan oleh Undang-undang Islam yang bersesuaian dan Undang-undang Syariah yang diguna pakai.

11. Penjagaan Sewajarnya

Jika berlakunya kecederaan yang mana Polisi ini berkaitan, Pihak Diinsuranskan boleh mendapatkan nasihat Pakar Perubatan atau Pakar Bedah atau Pengamal Perubatan sebaik sahaja sesuai digunakan dan bertindak sewajarnya mengikut nasihat mereka.

12. Undang-undang Pemerintah

Polisi ini adalah di bawah undang-undang Malaysia dan tertakluk dan dikawal oleh undang-undang yang lazim diikuti di Malaysia. Indemniti yang diberikan oleh Polisi ini tidak akan diguna pakai berkenaan keputusan, yang mana bukan kejadian pertama, dikeluarkan oleh atau diperoleh daripada Mahkamah yang bertauliah di Malaysia atau kepada arahan diterima daripada Mahkamah tersebut untuk pelaksanaan penghakiman yang dibuat di luar Malaysia sama ada perjanjian berbalas atau sebaliknya.

13. Kontak Keseluruhan: Pertukaran

Polisi ini, termasuk Jadual Polisi, Pengendorsan, dan pindaan, jika ada, akan membentuk keseluruhan kontrak di antara kedua-dua pihak. Tiada pertukaran di dalam polisi ini akan menjadi sah melainkan diluluskan oleh Syarikat dan dibuktikan oleh pengendorsan dan pindaan.

14. Tindakan Undang-undang

Tiada tindakan undang-undang atau keadilan, akan boleh dibawa untuk memperolehi semula di atas polisi ini sebelum ianya tamat atau sembilan puluh (90) hari selepas bukti bahawa tuntutan telah difailkan menurut keperluan-keperluan Polisi ini.

15. Timbangtara

Kesemua pertelingkahan yang timbul daripada Polisi ini akan dirujuk kepada keputusan seorang Penimbang Tara, yang akan dilantik secara bertulis oleh Pihak Diinsuranskan atau kami. Jika tiada persetujuan dengan seorang Penimbang Tara, maka dua Penimbang Tara, yang salah seorang daripadanya hendaklah dilantik secara bertulis oleh setiap pihak. Sekiranya terdapat ketiadaan persetujuan antara Penimbang Tara yang dilantik, Wasit hendaklah dilantik oleh Penimbang Tara secara bertulis sebelum membuat rujukan. Kos rujukan dan award hendaklah atas budi bicara Penimbang Tara atau Wasit yang membuat award, yang mana award hendaklah tidak dalam tempoh dua belas (12) bulan kalendar daripada tarikh di mana penafian telah dirujuk kepada Penimbang Tara di bawah peruntukan yang terkandung di dalam ini, maka tuntutan tersebut hendaklah untuk semua sebab akan dianggap terbatal dan kemudian dari ini tidak akan boleh diperolehi semula dibawah ini.

16. Syarat Pendahluan Kepada Liabiliti

Pematuhan dan pemenuhan yang sewajarnya akan terma, syarat dan pengendorsan Polisi ini setakat yang ia

berkaitan dengan segala perkara yang perlu dilakukan atau dipatuhi oleh Pihak Diinsuranskan atau orang yang membuat tuntutan di bawah Polisi ini dan kebenaran kenyataan dan jawapan di dalam cadangan tersebut hendaklah menjadi syarat duluan kepada sebarang liabiliti Syarikat untuk membuat sebarang pembayaran di bawah Polisi ini.

17. Tunai Sebelum Perlindungan

Adalah menjadi perkara asas dan memang menjadi syarat istimewa untuk kontrak insurans ini bahawa premium yang perlu bayar mesti dibayar dan diterima oleh pihak Syarikat daripada tarikh permulaan polisi ini/ pengendorsan / pembaharuan sijil.

NOTIS KEPADA PEMEGANG POLISI

Sila memeriksa Polisi insurans untuk memastikan ianya memenuhi keperluan **Anda**.

Untuk mengelakkan salah faham, adalah sangat penting Polisi, Jadual dan sebarang pengendorsan disertakan di sini dibaca bersama secara terperinci.

Sekiranya **Anda** mempunyai sebarang aduan atau keraguan berkaitan dengan Polisi **Anda**, sila hubungi ejen **Anda**, sekiranya ada atau berhubung dengan pejabat yang mengeluarkannya. Kami memastikan aduan **Anda** dilayani dengan segera.

Bagi tujuan dan maksud sekiranya terdapat konflik atau kekaburan berkenaan makna di dalam peruntukan Bahasa Malaysia tentang mana-mana bahagian Kontrak, adalah dipersetujui bahawa Kontrak versi Bahasa Inggeris akan terpakai.

Sebagai Penanggung Insurans yang bertanggungjawab, **Kami** ingin membawa kepada perhatian **Anda** bahawa **Anda** boleh mengemukakan ketidakpuasan **Anda** kepada Ombudsman Perkhidmatan Kewangan (OFS) atau BNMTELELINK seperti yang ditunjukkan di bawah.

BAGAIMANA UNTUK MEMBUAT ADUAN

Jika **Anda** tidak berpuas hati dengan mana-mana aspek perkhidmatan **Kami**, **Kami** ingin mendengar daripada **Anda**. **Anda** boleh membuat aduan dalam bentuk apa jua yang paling selesa dengan **Anda** samada melalui panggilan telefon kepada operator **Kami** atau, secara bertulis, fax atau e-mel aduan **Anda** kepada:

Unit Pengendalian Aduan

RHB Insurance Berhad
Aras 12B, West Wing, The Icon
No 1, Jalan 1/68F, Jalan Tun Razak,
55000 Kuala Lumpur
Tel: 1300-220-007
Faks: 03-2163 7277
E-mel : complaints_unit@rhbinsurance.com.my

Kami akan berusaha untuk bertindak balas kepada aduan **Anda** dalam masa empat belas (14) hari. Jika Kami tidak

dapat menyelesaikan perkara tersebut dalam tempoh masa yang ditetapkan seandainya rumit, **Anda** akan diberitahu tentang perkembangan yang telah dibuat tentang aduan **Anda** tersebut.

Anda boleh membantu Kami untuk memberi tindak balas secepat mungkin dengan memberi **Kami** maklumat-maklumat berikut:

1. Nama, alamat dan nombor untuk dihubungi
2. No Nota Perlindungan / No. Polisi / No. Tuntutan

Sekiranya setelah mengambil langkah-langkah di atas dan **Anda** masih tidak berpuas hati, **Anda** boleh menulis ke:

Unit Pengurusan Aduan

Ombudsman Perkhidmatan Kewangan (OFS)
Tingkat 14, Blok Utama
Menara Takaful Malaysia
No. 4, Jalan Sultan Sulaiman
50000 Kuala Lumpur
Tel: 03-2272 2811
Faks: 03-2272 1577
E-mel : enquiry@ofs.org.my
Laman Web : www.ofs.org.my

Jika Pengantara membuat keputusan yang tidak menyebelahi Kami, **Anda** diminta untuk memberitahu Pengantara mengenai keputusan **Anda** untuk menerima atau menolak keputusan tersebut dalam tempoh empat belas (14) hari.

Jika **Anda** tidak menerima keputusan tersebut, **Anda** boleh menolak keputusan Pengantara. **Anda** bebas untuk mengambil tindakan mahkamah ke atas Kami atau merujuk kepada Timbangtara.

Sebagai pilihan, **Anda** boleh menghantar ketidakpuasan hati **Anda** terhadap tindakan Kami secara bertulis kepada Bank Negara Malaysia dengan memberi secara terperinci maklumat aduan **Anda** dan informasi **Polisi Anda** kepada:

BNMTELELINK

Jabatan Komunikasi Korporat
Bank Negara Malaysia
Peti Surat 10922
50929 Kuala Lumpur
Tel: 1300-88-5465 (LINK)
Faks: 03-2174 1515
E-mel : bnmtelelink@bnm.gov.my
Laman Web : www.insuranceinfo.com.my

HEAD OFFICE / IBU PEJABAT

Level 12, West Wing, The Icon,
No.1, Jalan 1/68F,
Jalan Tun Razak,
55000 Kuala Lumpur
Tel : 03 - 2180 3000 Fax : 03 - 9281 2729
Website : www.rhbgroup.com/insurance

**CUSTOMER RELATIONSHIP CENTRE /
KAUNTER KHIDMAT PELANGGAN**

Level 1, Tower Three, RHB Centre,
Jalan Tun Razak,
50400 Kuala Lumpur
Tel : 1300-220-007 Fax : 03 – 2163 7277
Email : rhbi.general@rhbgroup.com

**CALL CENTRE /
PUSAT PANGGILAN**

Claims Inquiries : 03 - 2180 3030